



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (No. 12557-W)

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : www.poi2u.com

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Skim Kemasukan Hospital & Pembedahan Pekerja Asing. Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Skim Kemasukan Hospital & Pembedahan Pekerja Asing

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Ini merupakan satu skim insurans kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan anda dalam urusan kemasukan hospital pekerja asing anda ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat disebabkan kemalangan atau penyakit.

Golongan yang layak untuk diinsuranskan di bawah polisi ini adalah kakitangan pekerja asing semasa dan masa depan anda yang bekerja secara sepenuh masa, berumur dari 18 tahun hingga 60 tahun, dan terlibat secara aktif dalam tugas biasa pada tarikh mereka menjadi layak untuk menyertai polisi ini.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini meliputi manfaat-manfaat berikut:

Perkara	Manfaat	Jumlah (RM)
1(a)	Bilik Hospital & Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan – mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik & Makan Kelas Ketiga (Ke3) sehingga maksimum RM60 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut bayaran yang ditetapkan di bawah Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982.
1(b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2	Bekalan & Khidmat Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi transplan organ)	
5	Bayaran Pakar Bius	
6	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8	Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan	
Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1-8) setiap Pekerja Diinsuranskan		RM 20,000

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium tahunan adalah RM120 untuk setiap pekerja asing yang diinsuranskan termasuk RM15 untuk yuran Third Party Administrator (TPA). Premium pembaharuan adalah tidak terjamin.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 10% daripada premium
▪ Yuran (TPA)	▪ RM15
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
 - a) Kontrak Insurans Pengguna
 - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
 - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
 - b) Kontrak Insurans Komersial
 - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti memastikan semua fakta penting pekerja asing anda seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan umur adalah diberi dengan lengkap dan tepat.
- Wilayah Geografi – Semua manfaat yang disediakan dalam polisi ini terpakai dalam Malaysia sahaja untuk 24 jam sehari. Perlindungan tamat dari masa pekerja asing meninggalkan Malaysia dan disambung semula apabila dia kembali ke Malaysia.
- Had Manfaat – Semua manfaat yang disediakan dalam polisi ini hanya akan berbayar jika pekerja asing dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat.
- Tempoh Ihsan – Ini adalah polisi Tunai Sebelum Perlindungan. Meskipun terdapat syarat Tunai Sebelum Perlindungan, Tempoh Ihsan selama 14 hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang premium selepas tahun polisi yang pertama. Dalam tempoh 14 hari tersebut, kami tetap menanggung polisi sekiranya premium telah dibayar menjelang akhir tempoh ini. Sekiranya sebarang premium berkaitan dengan kontrak polisi ini tidak terbayar sebelum berakhir Tempoh Ihsan, kontrak polisi ini akan dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sebarang kemasukan hospital, pembedahan atau caj yang disebabkan mana-mana satu daripada kejadian di bawah:

- Pembedahan plastik / kosmetik;
- Rawatan pergigian atau pembedahan oral;
- Rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital;

- Kehamilan atau keguguran;
- Rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan;
- Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;
- Kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang timbul daripada perlumbaan atau sukan berbahaya;
- Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang berlaku dalam 120 hari pertama insurans pekerja asing; dan
- Penyakit yang sedia ada melainkan pekerja asing lulus pemeriksaan perubatan dalam masa 30 hari dari ketibaan pekerja asing ke Malaysia.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pembayaran balik premium seperti dalam jadual di bawah, dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan dalam tahun polisi semasa.

Tempoh Tidak Melebihi	Pembayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pembayaran balik

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Skim Kemasukan Hospital & Pembedahan Pekerja Asing atau mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
 Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,
 No. 10, Jalan Raja Laut,
 50350 Kuala Lumpur.
 Tel : 03-2698 5033
 Faks : 03-2693 8145
 E-mel : poi2u@pacific-orient.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans pekerja asing yang boleh didapati:

- Jaminan Insurans Pekerja Asing
- Skim Pampasan Pekerja Asing

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma, syarat dan pengecualian di bawah polisi ini.

**NOTA PENTING:
ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI TERUS
SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.01.2021